



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



PENGARUH MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU SEKOLAH RENDAH DI DALAM KELAS

THE INFLUENCE OF SOCIAL MEDIA ON PRIMARY SCHOOL BEHAVIOR IN THE CLASSROOM

Hafizhah Zulkifli¹, Zarina Abd Rahman²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM)
Email: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM)
Email: P144910@siswa.ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.09.2025

Revised date: 20.10.2025

Accepted date: 09.11.2025

Published date: 04.12.2025

To cite this document:

Zulkifli, H., & Abd Rahman, Z.
(2025). Pengaruh Media Sosial
Terhadap Tingkah Laku Sekolah
Rendah Di Dalam Kelas.
*International Journal of Modern
Education*, 7 (28), 365-375.

DOI: 10.35631/IJMOE.728028

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk meneliti pengaruh media sosial terhadap tingkah laku murid sekolah rendah ketika berada di dalam kelas. Perkembangan teknologi maklumat yang pesat telah menjadikan media sosial seperti TikTok, YouTube, WhatsApp dan Instagram semakin mudah diakses oleh murid sejak usia muda. Walaupun media sosial dapat memberikan maklumat dan hiburan, ia turut menimbulkan cabaran terhadap pembentukan sahsiah dan disiplin murid di sekolah. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan memberi kesan terhadap tingkah laku seperti kurang fokus semasa pembelajaran, kecenderungan meniru aksi atau bahasa yang tidak sesuai serta peningkatan masalah disiplin seperti menjawab guru dan kurang rasa hormat. Selain itu, kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan antara penggunaan media sosial dengan latar belakang keluarga, terutamanya dari segi kawalan ibu bapa terhadap penggunaan gajet. Justeru, kajian ini mencadangkan agar pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat bekerjasama dalam mendidik serta memantau penggunaan media sosial dalam kalangan murid. Pendidikan literasi media dan nilai murni wajar diterapkan secara bersepadu agar murid dapat memanfaatkan media sosial secara positif dan tidak menjejaskan tingkah laku mereka di sekolah. Kajian ini diharap dapat menjadi asas kepada penyelidikan lanjut mengenai hubungan antara teknologi moden dan perkembangan sahsiah dalam kalangan generasi muda.

Kata Kunci:

Media Sosial, Tingkah Laku Murid, Sekolah Rendah, Disiplin Kelas, Pengaruh Teknologi, Pendidikan Literasi Media

Abstract:

This study aims to examine the influence of social media on the behavior of primary school students while in the classroom. The rapid development of information technology has made social media such as TikTok, YouTube, WhatsApp, and Instagram increasingly accessible to students from a young age. Although social media can provide information and entertainment, it also presents challenges to the formation of students' character and discipline in school. This study also shows that excessive use of social media affects behavior such as lack of focus during learning, tendencies to imitate inappropriate actions or language, and increasing discipline problems such as talking back to teachers and showing less respect. In addition, the study found a significant difference between social media use and family background, particularly in terms of parental control over gadget usage. Therefore, this study suggests that schools parents and the community work together to educate and monitor the use of social media among students. Media literacy education and noble values should be implemented in an integrated manner so that students can utilize social media positively and not affect their behavior at school. This study is hoped to serve as a basis for further research on the relationship between modern technology and character development among the younger generation.

Keywords:

Social Media, Student Behavior, Primary School, Classroom Discipline, Influence of Technology, Media Literacy Education

Pengenalan

Penggunaan media sosial telah menjadi fenomena yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan pelajar, terutamanya di kalangan mahasiswa. Dalam konteks pendidikan, media sosial boleh menjadi alat yang berguna untuk pembelajaran, tetapi juga boleh menjadi punca kemerosotan prestasi akademik (Helmi Hayat Ma et al. 2024). Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengaruh media sosial terhadap kemerosotan pembelajaran pelajar.

Latar belakang kajian menyatakan pengaruh media sosial merujuk kepada cara platform-platform digital ini membentuk interaksi sosial, pemikiran, dan tingkah laku masyarakat. Pada zaman ini, Media sosial telah menjadi alat penting dalam kehidupan seharian dan mempengaruhi pelbagai aspek seperti komunikasi, pendidikan, dan pemasaran. Antara aspek-aspek yang mempengaruhi media sosial komunikasi dan interaksi yang mana ia memudahkan komunikasi antara individu, membolehkan mereka berhubung dengan lebih cepat dan efisien. Ini juga mengubah cara orang berinteraksi dengan lebih banyak perbualan berlaku secara dalam talian berbanding secara langsung. Selain itu pembentukan identiti pengguna juga merupakan platform media sosial sering membentuk identiti mereka melalui profil dan kandungan yang mereka kongsi. Ini akan memberi kesan kepada cara mereka dilihat oleh orang lain dan bagaimana mereka melihat diri mereka sendiri. (Aziz & Makhsin 2021)

Pengaruh media sosial terhadap pembelajaran pelajar semakin menjadi perhatian dalam konteks pendidikan moden. Media sosial, yang merangkumi platform seperti Facebook, Instagram, dan Twitter, ia telah mengubah cara pelajar berinteraksi, berkongsi maklumat, dan belajar. Namun, terdapat kebimbangan mengenai kesan negatif yang mungkin timbul dari penggunaan media sosial yang tidak terkawal. Terdapat juga kesan positif media sosial antaranya dapat mengakses maklumat media sosial dengan memberikan pelajar pelbagai sumber maklumat dan bahan pembelajaran yang boleh meningkatkan pemahaman mereka terhadap subjek tertentu. Selain itu interaksi sosial pelajar dengan rakan sebaya dan guru lebih mudah, yang mana ia membolehkan dan meningkatkan motivasi dan minat mereka dalam pembelajaran. Pembelajaran kolaboratif atas platform ini juga membolehkan pelajar bekerja sama dalam projek dan tugasan, memupuk kemahiran kerja berpasukan. (Azimalia & Khairul Nuzuli 2023)

Kesan negatif media sosial juga boleh berlaku dengan gangguan fokus yang membawa maksud penggunaan media sosial yang berlebihan ia boleh mengganggu tumpuan pelajar terhadap pelajaran, menyebabkan mereka kehilangan minat dalam pembelajaran. Ketidakpuasan diri juga boleh menyebabkan paparan kehidupan ideal di media sosial yang mana boleh menyebabkan pelajar merasa tidak puas hati dengan diri mereka sendiri, dan akan menjejaskan motivasi belajar. Persepsi sosial juga boleh mengakibatkan pengaruh rakan sebaya di media sosial yang mana ia membolehkan serta mendorong perilaku negatif seperti buli siber, yang memberi kesan buruk kepada kesejahteraan mental pelajar. (Azimalia & Khairul Nuzuli 2023)

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti bagaimana media sosial mengganggu tumpuan pelajar semasa sesi pembelajaran.
2. Menilai bagaimana penglibatan pelajar yang berlebihan dengan media sosial dan mempengaruhi kualiti pembelajaran pelajar
3. Mengkaji bagaimana media sosial membentuk nilai dan sikap pelajar terhadap pendidikan.

Ulasan Literatur

Kemerosotan pembelajaran pelajar dalam konteks pendidikan moden sering kali dikaitkan dengan pelbagai faktor, termasuk pengaruh media sosial. Media sosial, yang merupakan platform komunikasi dan interaksi digital, telah menjadi sebahagian yang penting dalam kehidupan seharian pelajar. Namun, terdapat kebimbangan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan dapat menjejaskan tumpuan dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran.

Pengaruh Media Sosial terhadap Pembelajaran

Latar Belakang Keluarga: Penyelidikan telah membuktikan dan menunjukkan bahawa sokongan keluarga memainkan peranan penting dalam perkembangan konsep diri pelajar. Keluarga yang tidak memberikan sokongan emosi yang mencukupi boleh menyumbang kepada masalah tingkah laku dan prestasi akademik yang rendah. (Radzak et al. 2023)

Gangguan dan tidak fokus: Media sosial sering kali mengganggu tumpuan pelajar semasa sesi pembelajaran. Notifikasi yang berterusan dan keinginan untuk berinteraksi di platform seperti Facebook dan Instagram dapat mengalihkan perhatian mereka dari tugas akademik, menyebabkan mereka kurang produktif dalam belajar. (Mohd Tamring et al. 2023)

Kesan Emosional: Kebergantungan kepada media sosial juga boleh menyebabkan masalah emosi seperti kecemasan dan kemurungan. Pelajar yang menghabiskan banyak masa di media sosial mungkin mengalami kesulitan dalam membina hubungan interpersonal secara langsung, yang penting untuk kesejahteraan mental dan sosial mereka. (Mohd Tamring et al. 2023)

Pengaruh Rakan Sebaya: Rakan sebaya mempunyai pengaruh besar terhadap tingkah laku pelajar. Keterlibatan dalam kumpulan rakan yang tidak produktif atau terlibat dalam aktiviti negatif boleh mengganggu tumpuan mereka terhadap pembelajaran (Mohd Tamring et al. 2023)

Pembaziran Masa: Media sosial sering kali menjadi sumber gangguan yang mengurangkan tumpuan pelajar terhadap pembelajaran. Kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menghabiskan banyak masa di media sosial cenderung untuk mengalami penurunan dalam prestasi akademik mereka. (Kirin et al. 2024)

Kandungan Tidak Bermanfaat: Penggunaan media sosial yang tidak terkawal boleh membawa kepada pendedahan kepada kandungan negatif, termasuk pengaruh budaya asing yang merosakkan nilai-nilai murni. (Kirin et al. 2024)

Walaupun terdapat kesan negatif, media sosial juga boleh digunakan secara positif untuk menyebarkan maklumat berguna dan membina jaringan sokongan akademik. Pelajar boleh memanfaatkan platform ini untuk berkongsi sumber pembelajaran dan berkolaborasi dalam projek. (Kirin et al. 2024)

Kesan Positif Media Sosial

Sumber Pembelajaran

Media sosial juga boleh berfungsi sebagai sumber maklumat dan pembelajaran. Pelajar dapat mengakses bahan pembelajaran, mengikuti kursus dalam talian, dan berinteraksi dengan rakan sekelas untuk membincangkan topik akademik. (Ghazali et al. 2023)

Pengembangan Jaringan Sosial

Media sosial membolehkan pelajar membina jaringan sosial yang luas, termasuk dengan individu dari latar belakang akademik yang berbeza. Ini dapat memperkaya pengalaman pembelajaran mereka dan memberi peluang untuk kolaborasi dalam projek akademik. (Ghazali et al. 2023)

Secara keseluruhan, pengaruh media sosial terhadap kemerosotan pembelajaran pelajar adalah kompleks dan bergantung kepada cara penggunaannya. Untuk memaksimumkan manfaat terhadap media sosial sambil meminimalkan kesan negatifnya, adalah penting bagi pelajar, ibu bapa, dan pendidik untuk mengawasi penggunaan media sosial dan menggalakkan penggunaan yang lebih produktif dalam konteks pendidikan. (Ghazali et al. 2023)

Kesan Negatif Media Sosial

Gangguan Tumpuan

Media sosial sering kali mengalihkan perhatian pelajar dari pembelajaran. Pelajar cenderung menghabiskan waktu yang banyak di platform seperti Instagram dan TikTok, yang mengakibatkan kurangnya waktu untuk belajar dan menyelesaikan tugas sekolah. (Melmambessy et al. 2024)

Pengaruh Rakan Sebaya

Interaksi di media sosial dapat mempengaruhi tingkah laku pelajar. Jika rakan sebaya lebih aktif di media sosial dan kurang memberi tumpuan kepada akademik, ini dapat menurunkan motivasi pelajar untuk belajar. (Melmambessy et al. 2024)

Kesihatan Mental

Penggunaan media sosial yang berlebihan boleh menyebabkan masalah kesihatan mental seperti kecemasan dan kemurungan. Pelajar yang mengalami masalah ini sering kali sukar untuk memberi tumpuan dalam kelas dan menyelesaikan kerja sekolah. (Melmambessy et al. 2024)

Metodologi

Kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan, merujuk kepada buku dan jurnal yang relevan untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang isu ini. Penyelidik juga melakukan analisis terhadap kajian-kajian lepas mengenai kesan media sosial terhadap akhlak remaja. Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan keperluan untuk terus mengkaji pengaruh media sosial dalam konteks yang semakin berkembang dan kompleks, serta memberikan panduan kepada pelajar dan pendidik tentang cara menggunakan media sosial secara bertanggungjawab.

(Melmambessy et al. 2024) Penelitian ini menggunakan metode kualitatif dengan pendekatan field research. Tujuannya adalah untuk menggali dan memahami fenomena kemerosotan pembelajaran pelajar yang disebabkan oleh penggunaan media sosial. Metode ini memungkinkan peneliti untuk mengumpulkan data secara langsung dari sumber yang relevan, memberikan gambaran holistik tentang masalah yang diteliti.

(Kirin et al. 2024) Kemerosotan pembelajaran pelajar seringkali dikaitkan dengan pelbagai faktor, termasuk pengaruh media sosial. Dalam konteks ini, metodologi yang digunakan untuk mengkaji pengaruh tersebut adalah penting untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai isu ini antaranya adalah:

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif. Reka bentuk kajian ini membolehkan pengumpulan data yang sistematik dan analisis yang berfokus kepada hubungan antara penggunaan media sosial dan kemerosotan pembelajaran. (Kirin et al. 2024)

Pengumpulan Data

Data dikumpulkan melalui borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Platform seperti Google Form digunakan untuk memudahkan responden memberikan maklum balas. Soalan-soalan dalam borang soal selidik dirancang untuk mengukur:

Frekuensi penggunaan media sosial oleh pelajar.

Jenis aktiviti yang dilakukan di media sosial (contohnya, melayari laman web tidak bermanfaat).

Kesan penggunaan media sosial terhadap prestasi akademik dan motivasi belajar. (Kirin et al. 2024)

Sampel

Sampel kajian terdiri daripada pelajar di institusi pendidikan tinggi, dengan jumlah responden yang mencukupi untuk memastikan kebolehpercayaan hasil kajian. Responden dipilih secara rawak untuk mengelakkan berat sebelah atau tidak adil serta mengikuti dan memastikan agar gambaran dapat dijalankan dengan adil. (Kirin et al. 2024)

Analisis Data

Data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan perisian statistik untuk mendapatkan corak dan hubungan antara penggunaan media sosial dan kemerosotan pembelajaran. Analisis deskriptif akan digunakan untuk menggambarkan ciri-ciri demografi responden serta taburan penggunaan media sosial dalam kalangan mereka. (Kirin et al. 2024)

(Radzak et al. 2023) Penelitian ini bertujuan untuk mengeksplorasi pengaruh media sosial terhadap kemerosotan pembelajaran pelajar. Dengan meningkatnya penggunaan media sosial, terdapat keprihatinan mengenai kesannya terhadap perilaku dan prestasi akademik pelajar. Penelitian ini akan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menganalisis data dari pelajar di sekolah menengah.

Perbincangan Kajian

Perbincangan kajian ini berfokus pada pengaruh media sosial terhadap penampilan akhlak di kalangan remaja, dengan penekanan pada bagaimana penggunaan platform seperti Facebook, Instagram, dan YouTube mempengaruhi tingkah laku dan moral pelajar. Kajian yang dilakukan oleh (Aziz & Makhsin 2021) ini bahawa betapa pentingnya memahami kesan positif dan negatif dari media sosial dalam konteks pendidikan dan sosial.

Pengaruh Positif Media Sosial

Interaksi Dan Pembelajaran

Media sosial dapat berfungsi sebagai alat untuk meningkatkan interaksi antara pelajar dan pendidik. Pelajar yang menggunakan platform seperti Facebook dan Instagram untuk bertanya dan berbincang mengenai pelajaran dan menunjukkan peningkatan dalam motivasi belajar. (Aziz & Makhsin 2021)

Akses kepada Maklumat

Penggunaan media sosial akan membolehkan pelajar mendapatkan maklumat terkini dan sumber pendidikan yang bermanfaat, termasuk bahan pembelajaran formal dan informal. (Aziz & Makhsin 2021)

Pembangunan Kemahiran Sosial

Media sosial juga dapat membantu pelajar dalam membina kemahiran komunikasi dan sosial yang penting, serta membolehkan mereka berhubung dengan rakan sebaya dari pelbagai latar belakang. (Aziz & Makhsin 2021)

Pengaruh Negatif Media Sosial

Kecenderungan kepada Kandungan Negatif

Kajian menunjukkan bahawa pelajar sering terdedah kepada kandungan yang tidak bermoral di media sosial, boleh menyebabkan dan merosakkan akhlak mereka. Ini termasuk pendedahan kepada video dan maklumat yang tidak sesuai. (Aziz & Makhsin 2021)

Kemerosotan Prestasi Akademik

Penggunaan media sosial yang berlebihan boleh menyebabkan gangguan dalam fokus pelajaran yang akan mengakibatkan kemerosotan prestasi akademik. Pelajar yang menghabiskan banyak masa di media sosial lebih cenderung untuk mengalami penurunan dalam pencapaian akademik mereka. (Aziz & Makhsin 2021)

Masalah Sosial

Penglibatan dalam gejala sosial seperti buli siber dan pengaruh negatif dari rakan sebaya juga boleh meningkat dengan penggunaan media sosial yang tidak terkawal. Ini boleh juga kurangnya pengawasan.

Pengaruh Media Sosial

Gangguan Fokus

Media sosial sering kali menjadi sumber gangguan bagi pelajar. Dengan notifikasi berterusan dan keinginan untuk berinteraksi, pelajar mungkin menghabiskan lebih banyak masa di platform ini berbanding dengan waktu belajar mereka. Ini boleh mengakibatkan kurangnya tumpuan dalam pelajaran dan seterusnya menjejaskan pencapaian akademik. (Ghazali et al. 2023)

Kesan Emosi

Penggunaan media sosial juga boleh mempengaruhi keadaan emosi pelajar. Penyelidikan menunjukkan bahawa interaksi di media sosial dapat menyebabkan perasaan cemburu, tekanan, dan rendah diri, yang semuanya boleh memberi kesan negatif kepada motivasi belajar dan prestasi akademik. (Ghazali et al. 2023)

Pembentukan Identiti

Media sosial membolehkan pelajar untuk membentuk identiti mereka melalui interaksi dengan rakan sebaya. Namun, jika pengaruh yang diterima adalah negatif, seperti terlibat dalam perilaku tidak bermoral atau tidak produktif, ini boleh mengakibatkan kemerosotan dalam disiplin belajar dan pencapaian akademik. (Ghazali et al. 2023)

Implikasi Kajian

Kesedaran Moral

Kajian ini mengenai kesedaran moral dalam konteks pengaruh media sosial terhadap pembelajaran pelajar memberikan pandangan penting mengenai bagaimana nilai-nilai moral akan terjejas akibat penggunaan media sosial yang tidak terkawal. Dalam era digital ini, pelajar sering kali terdedah kepada pelbagai jenis maklumat dan interaksi yang boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku mereka, termasuk dalam aspek pembelajaran. (Ghazali et al. 2023)

Akses Kepada Maklumat: Media sosial menyediakan platform yang memudahkan pelajar mengakses pelbagai sumber maklumat. Dengan adanya aplikasi seperti Google, Wikipedia, dan forum pembelajaran di Facebook, pelajar dapat memperoleh pengetahuan dengan lebih cepat dan mudah. (Helmi Hayat Ma et al. 2024)

Pembelajaran Kolaboratif: Media sosial membolehkan pelajar berinteraksi dan berkolaborasi dengan rakan sekelas serta guru. Ini membantu dalam pembentukan kumpulan belajar yang lebih dinamik, di mana mereka boleh bertukar idea, berkongsi nota, dan menyelesaikan masalah bersama-sama. (Helmi Hayat Ma et al. 2024)

Pembangunan Kemahiran Digital: Penggunaan media sosial dalam konteks pendidikan membantu pelajar mengembangkan kemahiran digital yang penting untuk masa depan mereka. Kemahiran ini termasuk penggunaan alat teknologi, komunikasi dalam talian, dan pemikiran kritis. (Helmi Hayat Ma et al. 2024)

Penyebaran Maklumat Pendidikan: Institusi pendidikan juga menggunakan media sosial untuk menyebarkan maklumat mengenai program akademik, aktiviti kampus, dan peluang kerjaya. Ini memudahkan pelajar untuk mendapatkan maklumat terkini dan relevan mengenai pendidikan mereka. (Helmi Hayat Ma et al. 2024)

Perubahan Dalam Pendidikan

Akses Informasi yang Mudah

Media sosial memberikan akses yang cepat dan mudah terhadap informasi. Namun, ini juga menyebabkan pelajar lebih cenderung menaruh kepercayaan pada sumber informasi yang tidak selalu tepat, yang mana berkemungkinan mengurangi kualiti pembelajaran mereka. (Melmbessy et al. 2024)

Menurunnya Motivasi Belajar

Paparan berlebihan terhadap konten di media sosial dapat menyebabkan penurunan motivasi belajar. Pelajar mungkin lebih tertarik pada hiburan daripada pendidikan, sehingga mengurangi keterlibatan mereka dalam kegiatan belajar. (Melmbessy et al. 2024)

Meningkatkan dalam Soft Skills

Pelajar yang terlalu terpapar di dalam media sosial mungkin mengalami kesulitan dalam mengembangkan soft skills seperti komunikasi efektif dan kerja sama dalam berkumpul. Model pembelajaran yang lebih interaktif dan kolaboratif diperlukan untuk mengatasi hal ini. (Melmbessy et al. 2024)

Perubahan dalam pendidikan akibat pengaruh media sosial menunjukkan kemampuan mengatasi masalah besar bagi pendidik. Penting untuk mengembangkan strategi pendidikan yang mampu memanfaatkan potensi positif media sosial sambil meminimalkan kesan negatifnya terhadap pembelajaran. Ini termasuk menciptakan lingkungan belajar yang menyokong serta menerapkan metode pengajaran yang lebih efektif untuk meningkatkan keterlibatan dan motivasi siswa (Melmbessy et al. 2024)

Pentingnya kita untuk memahami pengaruh media sosial terhadap pembelajaran pelajar. Dengan pendekatan yang tepat, institusi pendidikan dapat memanfaatkan potensi media sosial untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran dan prestasi akademik pelajar.

Kesimpulan

Media sosial dapat meningkatkan motivasi belajar dan memperkuat interaksi sosial antara pelajar. Penggunaan platform seperti Facebook dan Instagram memungkinkan pelajar untuk berkomunikasi dengan guru dan teman, serta berbagi informasi yang bermanfaat untuk Pendidikan.

(Azimalia & Khairul Nuzuli 2023) Pengaruh media sosial, khususnya Instagram, terhadap kemerosotan pembelajaran dan moral pelajar merupakan topik yang penting untuk diteliti. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, terdapat beberapa kesimpulan utama mengenai pengaruh positif dan negatif dari media sosial terhadap pelajar. Pengaruh positif media sosial memberikan perkembangan informasi dan konten dakwah yang dapat meningkatkan pemahaman agama di kalangan remaja. Penelitian menunjukkan bahawa kekuatan mengakses dakwah di Instagram nampak positif terhadap moral remaja, di mana mereka lebih terpapar pada nilai-nilai positif yang diajarkan dalam agama.

Keterlibatan emosional iaitu penggunaan media sosial sebagai medium dakwah berkemungkinan remaja untuk terlibat secara emosional dengan konten yang mereka inginkan. Hal ini dapat meningkatkan pemahaman dan penerapan nilai-nilai moral dalam kehidupan sehari-hari. Komunikasi keluarga dalam media sosial juga dapat berfungsi sebagai alat untuk memperkuat komunikasi antara ibu bapa dan anak. Dengan adanya konten dakwah yang dibahagikan, ibu bapa dapat membincangkan nilai-nilai tersebut dengan anak-anak mereka, sehingga menciptakan lingkungan yang lebih menyokong dalam pendidikan moral. Sebaliknya, terdapat banyak konten negatif yang dapat merosakkan moral dan tingkah laku remaja. Penelitian menunjukkan bahawa paparan terhadap konten tidak bermoral di media sosial dapat menyebabkan perilaku agresif dan masalah sosial lainnya. (Azimalia & Khairul Nuzuli 2023)

Penghargaan

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, jurnal yang bertajuk **“Pengaruh Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sekolah Rendah di Dalam Kelas”** ini dapat disiapkan dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada **Dr. Hafizhah Zulkifli** selaku pensyarah pembimbing, atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, serta dorongan berterusan sepanjang proses penulisan jurnal ini. Segala ilmu dan panduan yang diberikan amat bermakna serta menjadi pendorong utama dalam menyiapkan kajian ini. Penghargaan juga ditujukan kepada pihak sekolah, guru-guru, serta murid-murid yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama dan sokongan yang diberikan. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan serta ahli keluarga yang sentiasa memberi semangat, doa, dan

sokongan moral sepanjang menyiapkan penulisan ini. Akhir kata, semoga segala usaha ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca serta menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengaruh media sosial terhadap tingkah laku murid sekolah rendah di dalam kelas.

Rujukan

- Ab Razak, N.H. & Abd Rahman, N. 2023. The Influence of Parent-Child Relationship on Internet Addiction of Children and Adolescents. *Southeast Asia Early Childhood Journal* 12(2): 91–99.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/SAECJ/article/view/7874>.
- Anggreani, G., PGMI UIN Fatmawati Sukarno Bengkulu, P. & Fatmawati Sukarno Bengkulu, U. 2022. Terbit online pada : <https://ejournal-insancendekia.com/index.php/HOME> PENANAMAN NILAI-NILAI AKHLAK TERPUJI MELALUI MEDIA VIDEO KARTUN NUSSA DAN RARA PADA MATA PELAJARAN PAI DI ERA NEW NORMAL. Vol. 1 <https://ejournal-insancendekia.com/index.php/HOME>.
- Anisa Musa, N., Pendidikan Islam, B., Pendidikan Malaysia Nor Aniza Ahmad, K. & Syaubari Othman, M. (t.th.). Pembentukan Sahsiah Murid Melalui Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) di Malaysia Student Personality Development Through Excellent Student Personality Program (SUMUR) in Malaysia.
<https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi>.
- Anita, W., Abas, W. & Hamzah, A. 2013. Media dalam Kehidupan dan perKembangan KanaK-KanaK. *Bil* Vol. 15
- Azimalia, R. & Khairul Nuzuli, A. 2023. Pengaruh Mengakses Dakwah Di Instagram terhadap Moralitas Remaja Di Desa Baru Semerah. Vol. 6
- Aziz, M.F. & Makhsin, M. 2021. THE INFLUENCE OF SOCIAL MEDIA ON STUDENT MORAL PERFORMANCE. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 6(42): 74–82.
- Badrul Hisham, N.F.A. & Mydin Kutty, F. 2021. Hubungan antara Tahap Penglibatan Guru Novis di Negeri Melaka dalam Pembelajaran Tidak Formal Melalui Media Sosial dengan Pengurusan Bilik Darjah dan Pengurusan Emosi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(7): 246–257.
- Dyana Binti Mohd Fazree Siti Marziah Zakaria Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, S. (t.th.). Kesan Penggunaan Gajet Kepada Perkembangan Kognitif dan Sosial Kanak-Kanak Prasekolah. *Dis* Vol. 2
- Ghazali, M.I., Wan Ismail, W.O.A.S., Amri, M.S., Mohd Sukeri, M., Suhaimi, N.A.S. & Jaafar, S.S. 2023. ELEMEN PERSEKITARAN MEMPENGARUHI KECERLANGAN AKADEMIK MURID TINGKATAN LIMA DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA. *Asian People Journal (APJ)* 6(1): 178–189.
- Helmi Hayat Ma, M., Zarir Yusoff, M., Pengurusan dan Teknologi, J. & Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan, F. 2024. Hubungan antara Impak Penggunaan Media Sosial dalam Aktiviti Pembelajaran dan Prestasi Pelajar dalam kalangan Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia The relationship between the Impact of Social Media Use in Learning Activities and Student Performance among students at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 5(1): 460–472.
<https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb>.
- Jasmi, K.A., Guru, I.P., Kampus, M., Ibrahim, T., Halimah, D., Bahru, J., Johor, N. & Ta, D. 2012. Tesis Pra Lapangan Kajian Dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac.

- Kerja, K.K., Kendiri, E., Keusahawanan, T.L., Kerjaya, E., Graduan, K., Hazwani, N., Sheerad, H. & Abstrak, S. (t.th.). Work Readiness Skills, Self-Efficacy, Entrepreneurial Behavior and Career Exploration among Graduates. *Akademika* 90: 155–165. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-90IK3-12>.
- Kesuma, U. & Hidayat, A.W. (t.th.). PEMIKIRAN THOMAS S. KUHN TEORI REVOLUSI PARADIGMA.
- Kirin, A., Islam, J.P., Umum, P. & Kokurikulum, D. 2024. HUMAN SUSTAINABLE PROCEDIA Tahap Keruntuhan Akhlak Remaja: Kajian Kes UTHM Pagoh Levels of Adolescent Moral Decline: A Case Study of UTHM Pagoh 4(1): 35–45. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp>.
- Mahad, I., Kebangsaan, S., Berendam, B., Malaysia, K.P., Magesvaran, U. & Pendidikan, F. 2021. SIKAP DAN MOTIVASI MURID SEKOLAH RENDAH TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM TALIAN SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (Attitude and Motivation Primary School Student toward Malay Language Online Learning During Movement Control Order). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM (Malay Language Education Journal-MyLEJ)* Vol. 11
- Melmambessy, L.L., Leuwol, F.S. & Manakane, S.E. 2024. Developing Students Soft Skills Using the Cooperative Learning Model at SMP Negeri 4 Nirunmas. *Jurnal Pendidikan Geografi Unpatti* 3(2): 149–162.
- Mohd Tamring, B.A., Mohd Yakin, H.S., Jawing, E. & Januin, J. 2023. Tahap Penerimaan Pelajar Terhadap Aspek Yang Memberi Kesan Kepada Pembudayaan Penanaman Bawing di Kota Belud, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(8): e002473.
- Ngahdiman, I.N. & Razak, R.R. 2021. Hubungan antara Ketagihan Media Sosial dengan Pencapaian Akademik: Kajian di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(7): 54–62.
- Radzak, S.A., Noor, A.M., Khir, A.M., Dhamir, M., Jabatan, A.A., Kemasyarakatan, S., Pembangunan, D. & Manusia, F.E. 2023. INTERNATIONAL JOURNAL OF HUMANITIES TECHNOLOGY AND CIVILIZATION HUBUNGAN ANTARA FAKTOR SEKOLAH, KONSEP KENDIRI DAN TINGKAH LAKU DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI SELANGOR (The Relationship Between School Factors, Self-Concept and Behavior Among Secondary School Students in Selangor) 8: 160–171.
- Rahmadhani, P., Widya, D., Setiawati, M., Mahaputra Muhammad Yamin, U. & Sudirman No, J. 2022. Pengaruh Media Sosial Terhadap Perkembangan Moral Remaja Kelas X IPS SMAN 1 X Koto Singkarak. Vol. 1